

UCAPAN ALUAN
Y.BHG TN. HJ. WAN MOHD. ZAWAWI B. WAN ABDUL RAHMAN
PENDAFTAR
SEMPENA: MAJLIS PENGHARGAAN PEJABAT PENDAFTAR 2013
8.00 PAGI
DI DEWAN SULTAN ISKANDAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Terima kasih diucapkan kepada saudara Pengacara Majlis.

Yang Dialu-alukan Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Wahid b. Omar
Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia,

Yang Berusaha En. Ab. Jalel b. Ahmad
Penyelaras Majlis Penghargaan Pejabat Pendaftar 2013,

Ketua-Ketua Bahagian,

Dif-Dif Jemputan,

Serta semua warga Pejabat Pendaftar yang di kasihi sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t dengan limpah izin dan inayah-Nya, dapat kita semua berhimpun di Dewan Sultan Iskandar ini untuk bersama-sama menjayakan Majlis Penghargaan Pejabat Pendaftar 2013 pada pagi ini.

Terlebih dahulu saya mewakili semua staf Pejabat Pendaftar ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Y. Bhg. Prof. Ir. Dr. Wahid b. Omar, Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia di atas kesudian Y. Bhg. Prof menerima undangan ke majlis ini walaupun dalam kesibukan Y. Bhg. Prof menjalankan tugas.

Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa yang telah berusaha untuk menganjurkan majlis buat kali yang ketiga.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Majlis Penghargaan Pejabat Pendaftar ini diadakan khusus untuk mengiktiraf mereka yang cemerlang dan terbaik di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Selain dari itu, majlis ini juga adalah bertujuan untuk:

- i. Memberi motivasi dan menaikkan semangat staf supaya terus berusaha meningkatkan keupayaan diri.
- ii. Menggalakkan percambahan idea dalam mencetus inovasi dan kreativiti.
- iii. Memberi peluang kepada staf untuk memperbaiki kelemahan dan kekurangan dalam memastikan kejayaan dapat dikecapi.

Meskipun jumlah yang menerima anugerah ini agak kecil namun saya percaya jumlah mereka yang cemerlang sebenarnya adalah lebih ramai manakala yang terpilih pada kali ini adalah yang terbaik di kalangan yang terbaik. Semoga anugerah dan penghargaan ini menjadi pemangkin dan pendorong dalam usaha meneruskan kecemerlangan dalam bidang tugas masing-masing. Saya yakin kita akan terus meraikan kecemerlangan staf Pejabat Pendaftar UTM yang komited terhadap melakari dan menyelusuri kecemerlangan perkhidmatan demi kejayaan diri, organisasi, bangsa dan negara.

Pada majlis ini sebanyak 5 kategori anugerah diperkenalkan iaitu:

- Anugerah Khidmat Masyarakat
- Anugerah Penerbitan
- Anugerah Sukan Lelaki/Wanita
- Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif
- Anugerah Inovasi

Hadirin yang dihormati sekalian,

Institusi pengajian tinggi pada hari ini berhadapan dengan pelbagai cabaran monumental yang menuntut perubahan struktural bagi memastikan institusi tersebut sentiasa mempunyai kelebihan berdaya saing. Di mana Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tidak terlepas daripada menghadapi cabaran seumpama ini. Oleh yang demikian, Pejabat Pendaftar yang bertindak selaku pusat governan utama Universiti perlu beroperasi dengan cemerlang meliputi pelbagai proses penilaian semula dan penambahbaikan terhadap strategi, kaedah pelaksanaan, *outcomes* dan impak dilaksanakan secara berterusan. Malah dalam hadis Rasulullah s.a.w ada menyebut tentang pentingnya untuk bermuhasabah

dan melakukan yang terbaik, hari ini lebih baik dari semalam, dan esok lebih baik dari hari ini. Sepanjang tahun 2013, banyak perancangan Pejabat Pendaftar yang digubal dan dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya contohnya:

- Kejayaan memenangi Anugerah Kualiti Pengurusan (AKP) 2012
- Pencapaian KAI Pejabat Pendaftar yang menyumbang kepada KAI Universiti adalah 85.71%
- Penjana pendapatan oleh pejabat pendaftar sehingga September 2013 ialah sejumlah RM 24.4 juta
- Inovasi yang cuba direalisasikan adalah sebanyak 20 inovasi pengurusan dan 2 inovasi teknikal

Tidak lupa juga bagaimana ledakan teknologi dan revolusi digital menyaksikan perubahan dalam penilaian dan pemantauan prestasi sesebuah institusi dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik. Penggunaan kaedah *Balance Score Card* (BSC) contohnya, memberi impak yang besar kepada sistem pemantauan pelaksanaan strategi dan pengurusan di Pejabat Pendaftar. Sebanyak 23 (KAI) di dalam empat (4) perspektif telah dikenal pasti bagi menjayakan KAI Universiti bagi tahun 2013 yang mana 7 daripadanya adalah menyumbang secara langsung. Secara keseluruhannya, KAI Pejabat Pendaftar telah berjaya mencapai sasaran pada tahun 2012 dan ini menggambarkan prestasi cemerlang Pejabat Pendaftar pada tahun 2012, di mana kejaya ini dijadikan dorongan untuk mencapai kejayaan yang lebih baik pada tahun ini.

Selain itu, kejayaan Pejabat Pendaftar pada tahun 2012 dan 2013 juga dapat dilihat melalui pengiktirafan yang diperolehi sama ada secara individu atau organisasi. Kepercayaan yang diberikan staf dalam memartabatkan pemikiran secara kreatif dan kritis telah membantu Pejabat Pendaftar untuk merealisasikan sebanyak 22 inovasi baru bagi tahun 2013 dan ini seterusnya membuktikan kewujudan pembudayaan tadbir urus yang sentiasa ditambah baik dikalangan staf Pejabat Pendaftar. Staf Pejabat Pendaftar juga tidak kurang hebatnya apabila berjaya mendapat pengiktirafan di dalam dan luar UTM dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh pencapaian Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang berjaya mengharumkan nama Pejabat Pendaftar sehingga mendapat pengiktirafan di peringkat negeri dan kebangsaan dan inisiatif ini perlu diakui sebagai salah satu pencapaian yang sangat membanggakan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Staf Pejabat Pendaftar tidak hanya hebat di dalam bidang tugas masing-masing, tetapi juga aktif di dalam bidang sukan. Pelbagai kejayaan yang dicapai oleh staf

Pejabat Pendaftar dalam UTM Staff Games 2013. Tahniah saya ucapkan kepada mereka yang telah mengharumkan nama Pejabat Pendaftar di dalam arena sukan di UTM. Tidak dilupa juga kepada jawatankuasa penyelarasa, para pengurus dan jurulatih yang telah berperah keringat dalam memastikan pasukan masing-masing berjaya meraih kemenangan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagi menjana kecemerlangan Pejabat Pendaftar agar selaras dengan aspirasi Universiti, adalah disarankan agar seluruh warga Pejabat Pendaftar untuk melakukan perubahan minda (*mind set*) dalam menerima perubahan dan sentiasa bersedia dan berusaha untuk memperlengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai. Selaku staf yang berkhidmat di Institut Pengajian Tinggi, kita tidak boleh kekal selesa pada sesuatu tahap pencapaian. ***We must not rest on our laurels.*** Kita perlu berhadapan dan menangani perubahan persekitaran. Kita perlu bersedia, berfikiran terbuka untuk melakukan anjakan paradigma yang selari dengan perubahan persekitaran. Tambahan pula kejayaan merangkul Anugerah Kualiti Perkhidmatan selama dua tahun berturut-turut juga memberi cabaran supaya warga pejabat pendaftar sentiasa bersedia dalam menjayakan pembaharuan yang berterusan supaya kita sentiasa responsif, relevan, cekap, cepat dan berkesan dalam memenuhi permintaan dan harapan pelanggan.

Transformasi merupakan salah satu cabaran kepada seluruh warga Universiti tidak terkecuali Pejabat Pendaftar. Kebijaksanaan untuk menanganinya juga adalah satu cabaran. Kejayaan menjayakan transformasi tidak datang dari usaha seorang tetapi dari usaha dan kerjasama berpasukan. Maka, sebagai sebuah keluarga, Pejabat Pendaftar mestilah bersatu hati dan tenaga dalam memastikan transformasi universiti dapat dijayakan. Selain itu, saya juga menyeru agar seluruh warga Pejabat Pendaftar untuk berusaha dengan lebih gigih dalam merealisasikan Pelan Global UTM 2012-2020 terutama yang berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan Pejabat Pendaftar.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagai sebuah Universiti bertaraf penyelidikan, UTM sememangnya berhasrat untuk menyediakan persekitaran dan suasana yang selesa dan memberangsangkan untuk menggalakkan ekosistem intelek dan pembudayaan akademik yang menjadi inspirasi kepada kreativiti dan inovasi. Selaras dengan itu, Pejabat Pendaftar amat menggalakkan seluruh warganya untuk membudayakan kualiti, inovasi dan kreativiti. Sebagai contoh, Kumpulan Inovatif dan Kreatif

Pejabat Pendaftar telah berjaya memenangi pelbagai anugerah di dalam konvensyen yang disertai. Tahniah diucapkan.

Setiap tugas juga perlu dilaksanakan dengan menitik beratkan amalan budaya kualiti. Ini kerana, perkhidmatan yang berkualiti adalah kunci kepada kepuasan pelanggan selain dapat meningkatkan imej Pejabat Pendaftar.

Setiap tugas yang diberikan merupakan satu amanah dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Kita juga mempunyai peranan yang sangat besar dalam memastikan setiap dasar dan agenda Universiti dapat direalisasikan dengan jayanya. Perasaan tanggungjawab dan akauntabiliti terhadap tugas masing-masing juga perlu wujud dalam diri setiap staf. Harapan ikhlas saya ialah supaya wujud kerjasama dan komitmen dari semua warga Pejabat Pendaftar dalam perjalanan kita ke arah visi yang sama dengan visi Universiti.

Ingin saya tekankan disini bahawa Pejabat pendaftar sentiasa menghargai pengorbanan dan usaha staf Pejabat Pendaftar dalam meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan. Malah, penganjuran majlis anugerah ini juga merupakan satu bentuk penghargaan kepada staf Pejabat Pendaftar untuk terus memberikan sepenuh perhatian dan daya usaha ke arah mempertingkatkan mutu kerja yang berkualiti tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

Saya amat berbesar hati dengan penganjuran majlis ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan sekali lagi kepada semua penerima-penerima anugerah pada tahun ini. Semoga anugerah ini menjadi pembakar semangat kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk terus melaksanakan tugas dengan cemerlang.

Selain itu, saya juga amat berbesar hati dan ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih di atas sumbangan dan juga hadiah-hadiah dari Ketua-Ketua Bahagian, Pegawai-Pegawai dan mereka yang bermurah hati bagi memastikan majlis ini dapat dijayakan dengan lancar.

Saya akhiri ucapan saya dengan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan majlis pagi ini. Semoga kualiti terus menjadi teras kejayaan Pejabat Pendaftar.

Sekian wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Disediakan oleh:
Mohamed Ayyub Bin Hassan
UTM, Johor Bahru
Oktober 2013